

14 APR 1998

PM: KEGAWATAN EKONOMI, KESAN LANGSUNG REALITI MAYA

KUALA LUMPUR, 14 April 14 (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kegawatan ekonomi yang dialami oleh Asia hari ini adalah kesan langsung daripada penggunaan realiti maya (virtual reality) dalam perniagaan dan juga menjadikan perniagaan sebagai satu kemungkinan dan kenyataan.

"Pada masa lalu, kita terpaksa berurusan dengan wang, barangan dan perkhidmatan sebenar, hari ini tidak satupun alat itu diperlukan sangat dan seolah-olah tidak ada had kepada jumlah perniagaan yang boleh dibuat dan keuntungan yang dikaut," katanya.

"Malangnya, dalam proses ini, wang sebenar, pekerjaan sebenar dan perniagaan sebenar boleh dirosakkan dengan teruk," kata Dr Mahathir dalam ucapamannya pada satu seminar dan bengkel "Realiti Maya" yang dianjurkan oleh Universiti Malaysia Sarawak di Seri Kembangan dekat sini.

Urusniaga matawang adalah contoh terbaik bagaimana "wang maya boleh digunakan untuk urusniaga dan keuntungan dan kerugian yang banyak boleh dibuat" katanya sambil merujuk kepada ekonomi-ekonomi Asia yang telah mengalami kesan buruk berikutan serangan spekulatif matawang.

"Dalam urusniaga matawang, seseorang peniaga boleh meminjam berjuta-juta unit sebarang watawang tanpa sebenarnya mengambil atau memegang wang tersebut dengan angka-angkanya berubah-ubah pada skrin komputer untuk menunjukkan yang wang telah dipinjam."

Kemudian, peniaga tersebut menjual matawang dengan merekod urusniaga dalam komputer dan perubahan ini dapat dilihat pada skrin semua komputer di bilik dagangan bank dan peniaga matawang, kata Perdana Menteri.

"Begitu juga, peniaga tersebut boleh membeli matawang tanpa memiliki matawang tersebut... hanya angka-angka pada skin komputer yang berubah dan mencatat urusniaga tersebut.

Pada hari ini, dengan peraturan yang dicipta oleh peniaga-peniaga matawang, nilai matawang merosot setiap kali ia dijual, kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata, "Dalam urusniaga komoditi biasa, harga kekal selagi terdapat pembeli yang bersedia untuk membeli dan penjual yang bersedia untuk menjual, tetapi peniaga matawang mengurus niaga dengan wang maya tidak dikongkong oleh bekalan matawang.

"Apabila jualan matawang boleh dibuat bekali-kali, angka-angka pada skrin akan berubah dan nilai matawang akan menurun pada paras yang dikehendaki."

Dr Mahathir berkata banyak wang boleh dipinjam, dijual dan dibeli tanpa membabitkan sebarang duit syiling atau wang kertas atau dalam kata lain, wang yang diniagakan adalah maya dan bukan yang sebenar.

Beliau berkata; "Ianya bukanlah sesuatu yang mengejutkan apabila AS\$1 trilion diniagakan pada satu hari, iaitu, kira-kira 20 kali dagangan barangan dan perkhidmatan seluruh dunia."

Dr Mahathir berkata walaupun urusniaganya adalah dalam bentuk wang maya, kesan penilaian semula adalah benar.

Sehingga kini, semua negara dan rantau dimiskinkan oleh urusniaga matawang dan dalam beberapa kes sebanyak 400 peratus, katanya.

Perdana menteri berkata realiti maya, seperti semua perkara yang dicipta manusia, boleh memberi faedah kepada manusia sejagat atau boleh merosakkan.

"Sama ada ia menjadi demikian atau sebaliknya akan tertakluk kepada pengguna, iaitu, masyarakat perseorangan atau negeri. Terdapat

kecenderungan untuk manusia leka dengan kemahiran dan kuasa yang mereka kembangkan," katanya. -- BERNAMA

MK JR OS